



KENYATAAN MEDIA

PENGAMBILAN TANAH PROJEK PEMBANGUNAN SEMULA SUNGAI BARU, KAMPONG BHARU KUALA LUMPUR

Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) merujuk kepada berita di portal Malaysiakini bertarikh 9 April 2022 yang telah memaklumkan terdapat penduduk rumah flat Kampung Sungai Baru di Kuala Lumpur kecewa selepas menerima Borang K dalam bulan Ramadan.

Pengambilan tanah bagi projek pembangunan semula Kampung Sungai Baru telah diwartakan di bawah Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960 (APT 1960) pada 21 Jun 2021. Pengambilan ini membabitkan **72 unit rumah flat, 37 unit rumah teres dan 1 lot pencawang elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB)**. Bayaran pampasan rumah flat mula dibayar secara berperingkat pada Februari 2022. Pampasan dibayar dalam lingkungan **RM198,000.00** hingga **RM350,000.00** mengikut prinsip Jadual Pertama, APT 1960. Mana-mana pemilik rumah yang tidak berpuas hati dengan *award* Pentadbir Tanah bolehlah mengemukakan bantahan melalui Borang N APT 1960 dalam tempoh 42 hari dari tarikh *award*.

Setelah **bayaran pampasan dibayar** kepada pihak berkepentingan, **JKPTG pada Mac 2022 telah mengeluarkan Borang K** (Notis Bahawa Milikan Tanah/ Peletakhakkan Petak Telah Diambil) diiringi dengan surat iringan. Surat iringan ini dikeluarkan secara pentadbiran untuk menerangkan maksud Borang K. Pengeluaran surat iringan ini adalah satu prosedur standard dalam proses pengambilan tanah bagi memaklumkan bahawa rumah flat diletakhakkan kepada badan berkanun yang berkenaan iaitu Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu (PKB).

PKB selaku pemegang hak kepada rumah flat **tiada halangan dan membenarkan** bekas pemilik untuk terus mendiami rumah flat yang terlibat sehingga **31 Julai 2022**. PKB akan mengeluarkan surat kebenaran kepada bekas pemilik yang terlibat selepas Borang K dikeluarkan oleh JKPTG.

JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN

11 APRIL 2022